UUM / AAC9 / BH / 29.07.2005 / p: 16 (5)

UUM anjur program hafazan al-Quran

BH 29/7/05 16:5

MASALAH remaja buta al-Quran dikenal pasti berpunca daripada kesan sampingan seperti masalah sosial, pengaruh media dan kurangnya perhatian terhadap pembelajaran kitab itu sendiri.

Disebabkan itu, ramai ibu bapa menghadapi tekanan dan resah dengan kerenah anak mereka yang suka membazir masa melakukan kegiatan tidak berfaedah.

Sebagai bantuan untuk mengatasi dilema ini, Pusat Islam dan Jabatan Pendaftar Universiti Utara Malaysia (UUM) akan menganjurkan program hafazan al-Quran pada 4 Ogos ini di Dewan Seminar A, Pusat Konvensyen UUM, Sintok, Kedah.

Seminar bertemakan Satu Hari Satu Ayat al-Quran menggunakan kaedah Al-Huffaz akan dikendalikan pengasas kaedah sistematik Al-Huffaz, Dr Mohd Shafei Md Amin Al-Muqri'.

Beliau yang juga johan menghafaz al-Quran Selangor, asalnya tidak tahu dan merangkak-rangkak membaca al-Quran.

Bagaimanapun, hasil semangat serta usaha bersungguh-sungguh, beliau akhirnya berjaya menghafaz al-Quran pada usia 30 tahun dan kini dilantik sebagai penasihat beberapa Maahad Tahfiz di Selangor, Johor, Terengganu, Perak dan Kuala Lumpur.

Pengarah Pusat Islam UUM, Mohd Diah Hamdan, berkata program itu selaras dengan hasrat kerajaan untuk membudayakan celik al-Quran, terutama bagi golongan remaja, peringkat rendah, menengah dan pengajian tinggi.

Katanya, objektif utama penganjuran seminar untuk mendekatkan peserta kepada Allah.

Mereka yang berminat menyertai seminar hafazan al-Quran boleh menghubungi 012-4218462 (Mohamad Usamah Ismail), 012-2305013 (Yusnaidi Md Sabri), 013-3629218 (Nor Azlinah Zaini) atau talian 04-9283032, 04-9283048, 04-9285829 dan 04-9285805.